

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MARCH 2017

Lawatan Raja Salman bukti keyakinan terhadap Malaysia

UM-17/3/2017

KUALA LUMPUR 16 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud ke Malaysia baru-baru ini membuktikan baginda berkeyakinan penuh terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, lawatan baginda yang juga Penjaga Dua Masjid Suci selama empat hari itu jelas menunjukkan dakwaan pihak tidak bertanggungjawab kononnya Malaysia adalah sebuah negara gagal, bankrap dan tidak stabil adalah tuduhan palsu semata-mata.

Beliau turut menyifatkan lawatan Raja Salman itu telah meletakkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Arab Saudi pada kedudukan terbaik khususnya dalam membina hubungan strategik yang lebih erat, pembangunan ekonomi yang bermanfaat serta hubungan ummah yang lebih bermakna.

“Pada sudut ekonomi pula, sebanyak tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) kerjasama telah berjaya ditandatangani antara pihak swasta Malaysia dengan Arab Saudi melibatkan potensi pelaburan dan perdagangan merentas sempadan

bernilai kira-kira RM9.75 bilion.

“Kemuncak lawatan tersebut adalah pelaburan ekuiti yang membabitkan syarikat minyak bagi kedua-dua negara antara Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) dan Saudi Aramco melibatkan jumlah pelaburan RM31 bilion iaitu pelaburan terbesar yang dibuat oleh Arab Saudi di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Dr. Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong)** pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Shamsul Anuar meminta Perdana Menteri menyatakan impak dan kepentingan lawatan sulung Raja Salman ke Malaysia yang dilakukan baginda atas jemputan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V bermula 26 Februari sehingga 1 Mac lalu.

Jelas Najib, Raja Salman turut memberi sokongan penuh penuhi King Salman Centre for International Peace yang menumpukan kepada kerjasama dalam bidang pertahanan khususnya menentang keganasan dan ideologi eks-

Waktu Solat		MBSB			
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya					
6.03	7.18	1.24	4.32	7.26	8.35
PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya					
6.08	7.22	1.29	4.39	7.31	8.40
KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya					
5.58	7.12	1.19	4.26	7.21	8.29
JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya					
5.55	7.10	1.16	4.20	7.18	8.27
KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya					
5.30	6.42	12.51	3.55	6.53	8.02

tremis agar fahaman tersebut dapat dibendung di kedua-dua negara.

Di samping itu, katanya, isu berhubung kuota jemaah haji Malaysia turut dibincangkan antara beliau dengan Raja Salman Abdulaziz Al-Saud dan hasilnya baginda telah berkenan meningkatkan kadar kuota haji daripada 27,900 jemaah kepada 30,200 jemaah.